

14/08/2000

Badminton: Bakisa pertahan Piala Perdana

LANGKAWI, Ahad - Badan Kebajikan Isteri Wakil Rakyat Sabah (Bakisa) mempertahankan Piala Perdana kejohanan badminton anjuran Badan Kebajikan Isteri Menteri dan Timbalan Menteri (Bakti), di sini semalam.

Bakisa memenangi piala itu kali ketiga berturut-turut selepas menewaskan Bakti dalam kejohanan empat hari yang berakhir hari ini.

Tempat ketiga kejohanan di Kompleks Sukan Lada itu dimenangi oleh Baiduri dari Perak.

Hadiah disampaikan oleh Perdana Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Hadir sama Yang Dipertua Bakti, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Besar Kedah Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, Menteri Besar Perak, Datuk Seri Tajul Rosli Ghazali, Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Osu Sukam dan Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Razak.

Dalam ucapannya, Dr Mahathir berkata, kejohanan itu bukan setakat untuk bersukan dan kesihatan, sebaliknya bagi merapatkan hubungan isteri menteri, Ahli Exco dan serta wakil rakyat.

"Isteri mempunyai pengaruh terhadap suami dan dengan adanya hubungan rapat sesama isteri, suami mereka yang berkhidmat untuk kerajaan dan negara turut rapat.

"Menteri dan wakil rakyat perlu hubungan yang rapat serta persefahaman untuk memudahkan pentadbiran serta membangunkan negara.

"Kita tidak boleh asingkan kerana pengaruh isteri terhadap suami besar. Jika hubungan sesama isteri terjalin, hubungan rapat suami mereka juga terjalin," katanya.

(END)